

PENGENALAN

PANDANGAN ISLAM MENGENAI AMALAN BERHUTANG

-Islam tidak menggalakkan umatnya untuk berhutang lebih-lebih lagi bagi tujuan yang melebihi keperluan hidup.

KONSEP PINJAMAN DALAM ISLAM

-Dibahagikan kepada 2 kategori iaitu al-'ariyah dan al-qard.

-al-'Ariyah= Hanya melibatkan barang yang tidak musnah apabila digunakan yang boleh dikembalikan dalam keadaan asal seperti kereta.

-al-Qard= Pinjaman yang melibatkan pemindahan pemilikan barang yang boleh dianggar dan diganti mengikut bilangan, sukatan atau timbangan.

INTIPATI RIBA

LARANGAN RIBA

-Surah Ali Imran (ayat 130): "Wahai orang-orang beriman, janganlah kamu memakan riba dengan berlipat ganda dan bertakwalah kamu kepada Allah agar kamu beruntung."

-Rasulullah s.a.w bersabda: "Daripada Jabir beliau berkata, Rasulullah melaknat penerima riba, pemberi riba, pencatat dan dua orang saksi dan Baginda bersabda: Mereka semua sama dalam melakukan dosa." (Hadis Riwayat Muslim).

FATWA PENGHARAMAN RIBA

-Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam kali ke 32 pada 10-11 Jun1993: " Wang faedah yang diperolehi haram digunakan untuk diri sendiri dan hendaklah diserahkan kepada Baitulmal."

PRINSIP-PRINSIP UMUM KETIKA BERHUTANG

-Setiap hutang yang dibuat hendaklah ditulis bagi memastikan kedua-dua pihak menyedari komitmen masing-masing.

-Tidak boleh mengenakan sebarang bayaran tambahan terhadap pinjaman.

-Hutang wajib dibayar kerana ianya merupakan hak individu tertentu.

-Penyelesaian hutang juga disyariatkan dalam perwiranisan.

AL-QARD

DEFINISI AL-QARD

-Bahasa: al-qat'u (potong). Harta yang diberikan kepada orang yang berhutang dinamakan qard kerana pemutang memotong sebahagian hartanya untuk diberikan kepada penghutang.

-Istilah: Penyerahan sesuatu barang atau harta daripada pemutang kepada penghutang dengan syarat barang atau sesuatu yang sama nilai dengannya dipulangkan kembali tanpa sebarang penambahan.

PRINSIP AL-QARD AL-HASAN

-Yang dimaksudkan dengan al-Qard al-Hasan: Transaksi pemberian hutang atau pinjaman wang yang bebas daripada unsur riba dan mengutamakan kebijakan.



By Muhd Aizat

cheatography.com/muhd-aizat/

Published 9th January, 2021.

Last updated 9th January, 2021.

Page 1 of 2.

Sponsored by [CrosswordCheats.com](http://crosswordcheats.com)

Learn to solve cryptic crosswords!

<http://crosswordcheats.com>

PENSYARIATAN AL-QARD AL-HASAN

DALIL

Firman Allah s.w.t (Surah al-Baqarah:ayat 245): "Siapakan orang yang (mahu) memberikan pinjaman kepada Allah sebagai pinjaman yang baik (yang ikhlas) supaya Allah melipat gandakan balasannya dengan berganda-ganda banyaknya dan (ingatlah), Allah jualah yang menyempit dan yang meluaskan (pemberian rezeki) dan kepadaNyalah kamu semua dikembalikan."

HUKUM AL-QARD AL-HASAN

Sunat berdasarkan berdasarkan dalil daripada al-Quran dan al-Hadis serta ijma' para ulama.

RUKUN SERTA OBJEKTIF PELAKSANAAN

RUKUN AL-QARD

- Pemutang (orang yang memberikan pinjaman).
- Peminjam.
- Barang yang dipinjam.
- Sighah.

OBJEKTIF PELAKSANAAN AL-QARD AL-HASAN

- Membantu golongan yang memerlukan.
- Merapatkan jurang perbezaan antara golongan kaya dan miskin.
- Mengukuhkan sektor sosio ekonomi negara.
- Sebagai salah satu wasilah dakwah kepada golongan bukan Islam.

KESIMPULAN

- Islam merupakan agama yang syumul melengkapi seluruh kehidupan termasuk aspek pengurusan kewangan.
- Tabiat berhutang wajar dihindari kerana akan mengakibatkan seseorang itu hidup dalam kegusaran.
- Umat Islam hendaklah menjalani kehidupan secara sederhana dan bersyukur atas nikmat yang dikurniakan Allah.



By Muhd Aizat

cheatography.com/muhd-aizat/

Published 9th January, 2021.

Last updated 9th January, 2021.

Page 2 of 2.

Sponsored by [CrosswordCheats.com](#)

Learn to solve cryptic crosswords!
<http://crosswordcheats.com>